

## Waktu rehat akan ditentukan — PM

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan akan menentukan waktu rehat bagi kakitangan jabatan-jabatannya untuk memastikan mereka tidak membazirkan waktu di pejabat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan di satu sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini, memang terdapat golongan kakitangan yang "menegur" sistem penggunaan jam perakam untuk mencatatkan kedatangan serta kepulangan kakitangan awam termasuk Menteri-menteri.

Pengenalan penggunaan jam perakam ini juga, katanya, menarik minat sebilangan besar Jemaah Menterinya di mesyuarat hari ini.

Menurut Perdana Menteri, golongan yang menegur mengatakan, kerajaan seharusnya lebih menitikberatkan supaya setiap kakitangan itu benar-benar bertugas sewaktu di pejabat.

"Memang benar, di samping menggunakan jam perakam waktu mencatat kedatangan dan kepulangan seseorang itu, kerajaan juga akan menentukan setiap pegawai bertugas sewaktu di pejabat.

"Waktu rehat akan ditentukan kerana kerajaan tidak ingin melihat kakitangannya tidak mempunyai rehat. Tapi akan dipastikan mereka tidak membazirkan waktu pejabat," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir dan Timbalannya mula menggunakan kad perakam waktu minggu lalu.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia